



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
Y A Y A S A N  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	11/12/2018

# Dahulu tawan Sabah, kini Tun M uji Sarawak

BH- 11/12/2018 m/s:10

Dari Kaca Mata

Mohd Azrone Sarabatin

azrone@bharian.com.my



**A**wal bulan ini, dua parti politik menggunakan kata kunci 'Bersatu' mencuri tumpuan penduduk Borneo, iaitu Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) dan Pertubuhan Kebangsaan Sabah Bersatu (USNO) Baru.

BERSATU mengembangkan sayapnya secara rasmi di Sarawak, manakala USNO yang dibatalkan pendaftarannya pada 1996 kembali aktif dengan penambahan nama 'Baru'.

Kedua-dua parti lahir pada zaman berbeza, tetapi mempunyai perkaitan sejarah khususnya dengan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad yang juga Pengerusi BERSATU.

Laluan pembubaran USNO bermula pada 21 Februari 1991 untuk membolehkan UMNO bertapak di Sabah dan ketika itu, Dr Mahathir ialah Perdana Menteri dan Presiden UMNO.

#### UMNO tawan Sabah 1994

Jika 24 tahun lalu UMNO diterajui Dr Mahathir berjaya menawan Sabah pada Pilihan Raya Negeri (PRN) 1994, kini tumpuan terarah kepada Sarawak. Sama ada beliau mampu mengulangi sejarah itu pada PRN-12 yang dijangka pada 2021, cuma berlainan nama parti yang kali ini menerusi BERSATU.

USNO, parti diasaskan bapa kemerdekaan Sabah, Allahyarham Tun Datu Mustapha Datu Harun pernah memerintah Sabah pada 1967 hingga 1975 sebelum tewas kepada Parti Bersatu Rakyat Jelata Sabah (BERJAYA) pada 1976.

Datu Mustapha kemudian menyertai UMNO pada 1991 menyebabkan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Usukan da-

lam Parlimen Kota Belud yang diwakilinya kosong sehingga satu Pilihan Raya Kecil (PRK) diadakan pada 11 Mei 1991.

#### 22 tahun berkubur

Datu Mustapha kemudian bertanding pada pilihan raya berkenaan atas tiket Barisan Nasional (BN)-UMNO dan memenanginya, sekali gus menyaksikan DUN Usukan 'anak sulung' kepada UMNO Sabah.

Selepas 22 tahun berkubur, akhirnya parti itu secara rasmi diluluskan pendaftaran oleh Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS), awal minggu ini.

ROS sebelum itu memberi notis kepada USNO Baru untuk mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) dalam tempoh sebulan mulai 7 November lalu. USNO Baru ialah sebuah daripada 20 parti politik baharu yang diluluskan ROS pada 2013. Dalam mesyuarat itu, 10 daripada 13 Ahli Jawatankuasa (AJK) penaja mengundi yang menyaksikan Ibrahim Linggam dipilih sebagai presiden baharu, selepas menewaskan presiden penaja, Dulli Tiaseh.

Ibrahim meraih lapan undi berbanding Dulli yang hanya memperoleh dua undi.

Kemampuan USNO Baru mengembalikan zaman kegemilangan USNO dilihat 'jauh panggang daripada api' oleh kalangan pemerhati politik dengan mengambili kira faktor tiada pemimpin *heavyweight* seperti dahulu.

Dahulu sebut sahaja Tun Datu Mustapha, Tun Said Keruak dan Tun Sakaran Dandai, ketiga-tiganya bekas Ketua Menteri dan Yang di-Pertua Negeri Sabah, semua orang kenal dan kagum.

Malah, pengalaman penulis membesar dalam keluarga penyokong tegar USNO, di DUN Usukan parti itu tidak perlu berkempen setiap kali pilihan raya kerana sebut sahaja nama Tun Datu Mustapha, pasti hati pengundi 'cair' dan akan memangkah parti menggunakan lambang Gunung Kinabalu itu.

Setiap kali pilihan raya pasti kedengaran suara jangan lupa 'Belud Nibaau' bermakna Gunung Kinabalu yang merujuk kepada lambang USNO. 'Belud Nibaau' ialah bahasa Bajau, pengundi majoriti di DUN Usukan.